

ECONOMICS NITE 2008



Pelajar-pelajar dari tiga program ekonomi telah bergabung tenaga menganjurkan 'Economics Nite' bertempat di Sutera Harbour Resort baru-baru ini. Dengan tema "Back to 60'tees" ianya merupakan malam kemuncak sempena meraikan bakal-bakal graduan Ekonomi yang akan menamatkan pengajian mereka tidak beberapa lama lagi. Majlis telah dihadiri oleh tetamu jemputan terdiri dari Timbalan Dekan, Pg. Hassanal Bahar Pg. Bagul, Ketua Program Ekonomi Kewangan, Prof. Madya Dr. Wong Hock Tsen serta beberapa orang pensyarah terlibat. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang majlis berlangsung antaranya penyampaian anugerah pelajar cemerlang ekonomi, pertandingan 'King & Queen', pertandingan limbo rock serta cabutan bertuah. Dalam ucapan aluannya selaku wakil Dekan, Pg. Hassanal mengucapkan tahniah kepada bakal-bakal pelajar yang akan menamatkan pengajian mereka, selain mengingatkan pelajar-pelajar agar dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat dan melakukan sesuatu yang membanggakan UMS. Majlis berakhir pada pukul 10.30 mln dengan pengumuman "King & Queen of the Night" yang berjaya memeriahkan majlis.